

# HANYA MAJORITI LEBIH 2/3 JAMIN KEAMANAN – PM

**K**UALA LUMPUR 25 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang melancarkan manifesto Barisan Nasional 1986 mengulangi bahawa hanya dengan majoriti lebih dua pertiga, kerajaan dapat menjamin keamanan dan kestabilan negara. “Kami memilih slogan “Tradisi Membela Rakyat” untuk mengingatkan rakyat betapa pentingnya majoriti dua pertiga untuk meneruskan khidmat kami kepada mereka. “Isu pertama Barisan Nasional ialah keamanan dan kestabilan kerana hanya dengannya semua kegiatan sosial, ekonomi dan keagamaan dapat

dijalankan,” ujar Perdana Menteri. Menurutnya, sebuah kerajaan yang kuat akan dapat mengambil langkah - langkah yang secara jangka pendek tidak disukai rakyat tetapi dalam jangka panjang akan menguntungkan. Sebaliknya, ujar beliau, jika hanya dapat majoriti sedikit seperti yang berlaku di sebilangan negara - negara membangun, kerajaan akan sering menumpukan kepada politik untuk popular serta tidak berani mengambil langkah yang jangka pendeknya tidak disukai tetapi menguntungkan dari segi jangka panjang. Perdana Menteri melancarkan manifesto Barisan Nasional dalam

satu majlis di Dewan Tun Dr. Ismail di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Datuk Sri Dr. Mahathir menolak tuduhan pembangkang yang berpendapat bahawa majoriti dua pertiga akan membuat kerajaan melakukan penindasan. Menurut beliau, hujah itu tidak beralasan kerana selama ini kerajaan mengambil sikap liberal sehingga suara - suara pihak pembangkang juga dapat masuk ke dalam ruang - ruang akhbar. Pengerusi Barisan Nasional itu sebaliknya membidas pihak pembangkang yang disifatkannya tidak demokratik kerana mereka cuba menghalang pilihanraya daripada diadakan baru-baru ini. Mengenai sebilangan rakyat Malaysia yang berhijrah ke Australia dan Canada, beliau berpendapat pemergian mereka itu bukanlah kerana negara ini tidak makmur tetapi mereka itu tidak mempunyai akar umbi untuk menetap di sini. Tentang pembinaan rumah pula, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, atas usaha kerajaan, harga rumah murah akan dapat diturunkan daripada \$25,000 kepada \$19,000 bagi projek perumahan rakyat yang melibatkan 80,000 unit.